

Headline	Fokus siapkan projek TP1M		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	03 May 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	27	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	384 cm ²
Journalist	AZLINA OTHMAN	AdValue	RM 2,690
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,070



Fokus siapkan projek TP1M

MBJB terima peruntukan lebih RM26 juta daripada KPKT

AZLINA OTHMAN

JOHOR BAHRU

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) menerima sejumlah RM26.48 juta peruntukan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menyiapkan 26 projek berkaitan Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) di dalam kawasan MBJB.

Datuk Bandar, Amran A Rahman berkata, tujuh daripada projek berkenaan telah

disiapkan manakala selebihnya dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun ini.

"Bagi Bantuan Penyelenggaraan 1 Malaysia (BP1M) KPKT pula, sejumlah RM2.6 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan sembilan projek di dalam kawasan Parlimen Johor Bahru.

"Manakala, sebanyak RM0.8 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 11 projek di dalam BP1M di dalam kawasan Parlimen Pasir Gudang yang mana lapan daripadanya telah pun siap dan selebihnya akan disiapkan dalam tahun ini juga," katanya semasa memengerusikan Mesyuarat Penuh MBJB Bilangan 4 2018, di sini, semalam.

Beliau berkata, kerja-kerja membina pusat latihan Wushu di Taman Johor Jaya babit kos RM0.41 juta dan gelanggang futsal di Taman



Amran (empat, kiri) menyampaikan hadiah utama cabutan bertuah cukai harta MBJB berupa Proton Persona kepada Chun Lay Kwang, 80 (dua, kanan).

Setia Tropika dengan kos RM0.38 juta telah selesai pembinaannya.

"Manakala, kerja-kerja pembinaan gelanggang futsal di Taman Puteri Wangsa dengan kos RM0.36 juta, Taman Orkid (RM0.35 juta), Taman

Austin Height (RM0.35 juta) dan Taman Dahlia (RM0.35 juta) masih berjalan dan dijangka siap pada tahun ini.

"Dewan Muafakat Adda Height telah siap dibina. Terdapat, tiga tambahan lagi iaitu di Kampung Bakar Batu

dengan kos RM7.7 juta, Taman Kobena (RM1.5 juta) dan Taman Setia Indah (RM3.3 juta) sedang dilaksanakan pada tahun ini.

"Kesemua itu tidak termasuk projek pembinaan dewan terbuka Taman

info Tujuh daripada projek berkenaan telah siap.

Damansara Aliff yang sedang dalam pembinaan dengan kos sebanyak RM0.59 juta," katanya.

Menurutnya, antara projek lain yang akan dilaksanakan adalah projek membina bit polis di Jalan Pasir Pelangi 2, Taman Pelangi, kerja mengecat di pusat bandar iaitu di Jalan Meldrum dan kerja pembinaan pagar keselamatan dan sebuah pondok pengawal keselamatan di pasar tani kekal Permas Jaya.

Sementara itu, satu program cabutan bertuah iaitu Program Cabutan Bertuah Cukai Harta turut berlangsung bagi menggalakkan orang ramai membayar cukai.